

Lawatan kerja PM ke Jepun perkukuh hubungan dua hala

TOKYO 2 Jun — Lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini esok akan mengukuhkan lagi hubungan dua hala dengan Jepun, negara pelabur terbesar di Malaysia, yang dalam tempoh tiga bulan pertama menerima 20 lagi jaringan projek dari negara matahari terbit ini.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohd. Noor berkata, pelabur Jepun sungguh selesa berniaga di Malaysia walaupun berlaku pertukaran kepimpinan negara Oktober lalu.

"Mereka positif dengan perkembangan itu. Hubungan Malaysia-Jepun sebenarnya sudah matang dalam cemerlang dalam semua aspek terutamanya perdagangan, antara kerajaan dan antara rakyat," katanya dalam taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai lawatan Abdullah, di Kedutaan Malaysia di sini, hari ini.

Abdullah tiba di bandar raya ini malam ini.

Jepun, katanya, sentiasa berada di tempat ketiga teratas sebagai pelabur asing di Malaysia dan pada tahun lalu 100 pelaburan baru diwujudkan di Malaysia.

Kebanyakan projek baru itu melibatkan diversifikasi dan pembesaran ke atas pelaburan masing-masing.

Hubungan Malaysia-Jepun sungguh kukuh dan mesra sepanjang 22 tahun Malaysia di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan menurut Marzuki, tiada perubahan ketara dari segi pelaburan berlaku selepas kepimpinan bertukar tangan kepada Abdullah.

"Ini adalah penting kerana apabila bercakap mengenai diversifikasi dan pembesaran ke atas pelaburan yang ada bermakna para pelabur itu mempunyai keyakinan penuh terhadap kepimpinan politik, kestabilan negara dan keupayaan kita menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan," katanya.

Purata perdagangan

3/6/04 um and d
dan pelaburan melibatkan eksport dan import daripada kedua-dua negara membabitkan sekitar AS\$12-13 bilion atau purata AS\$1-2 bilion sebulan.

Bagaimanapun, pada tahun lalu berlaku penurunan mendadak kepada jumlah pelancong ke Malaysia dan ke Jepun ekoran wabak SARS, perang Iraq dan selesema burung.

Berubah

Trend itu bagaimanapun berubah dengan ketibaan pelancong Jepun mencapai 100,000 untuk empat bulan pertama tahun ini, berbanding hanya 200,000 sepanjang tahun lalu, kata Marzuki.

Katanya, Penerbangan Malaysia (MAS) meningkatkan penerbangan dua kali seminggu ke Osaka-Kota Kinabalu, dua kali sehari sektor Tokyo-Kuala Lumpur dan penerbangan Nagoya-Kuala Lumpur.

"Sekali lagi soal perhubungan ini amat penting bagi ahli-ahli perniagaan Jepun kerana mereka mu-

dah meninggalkan Malaysia dan balik ke Jepun jika berlaku sesuatu kecemasan dan sebagainya.

"Kita mempunyai semua prasarana di Malaysia termasuk sekolah-sekolah Jepun. Kita mempunyai ramai rakyat Jepun di Malaysia, terdapat 1,400 syarikat-syarikat Jepun di Malaysia, dengan 700 adalah dalam sektor pengeluaran," katanya.

Marzuki berkata, syarikat multinasional Jepun telah melabur di Malaysia sejak dulu lagi dan mereka yang membuat pelaburan semua dan membesarkan operasi masing-masing.

Walaupun ada antara syarikat Jepun meninggalkan Malaysia, tetapi katanya ia adalah syarikat yang berorientasikan buruh dan Malaysia sendiri tidak menggalakkannya sealiran dengan penumpuan kepada industri berasaskan teknologi tinggi.

Marzuki turut memuji Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz

yang tidak jemu-jemu, tanpa gagal, melawat Jepun dalam misi pelaburannya.

Lawatan kerja Abdullah akan bermula pagi esok dengan menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-10 bertajuk *Masa Depan Asia - Meletak Batu Asas bagi Integrasi Serantau Asia* di Hotel Imperial di sini.

Selepas majlis itu, beliau akan bertemu dengan bekas Menteri Luar Jepun yang juga Pengerusi Ahli-ahli Parlimen Jepun (JP-EP) dan Persatuan Pembangunan Jumlah Penduduk Asia (APDA), Dr. Taro Nakayama.

Pada tengah hari, Abdullah akan bertemu dengan rakan sejawatannya, Junichiro Koizumi di Sori Kantei, pejabat Perdana Menteri Jepun.

Beliau akan berlepas pulang ke Malaysia kira-kira 2.30 petang esok selepas mengadakan sidang akhbar. — Utusan